



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

LEBIH 40 JUTA DIPERUNTUKKAN KKDW UNTUK PROGRAM PENGUKUHAN KEUSAHAWANAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT TERENGGANU

Dungun, 28 Julai – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah memperuntukkan lebih RM 40 juta yang memanfaatkan 2,731 penerima pada program Sentuhan Kasih Desa Negeri Terengganu di Kompleks Sukan KETENGAH di Bandar Al Muktafi Billah Shah, hari ini.

Bantuan dan kemudahan kewangan berkenaan adalah di bawah program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, KKDW.

Antara bantuan yang diperuntukkan menerusi

- **Bahagian Kesejahteraan Rakyat (KR)**, KKDW pada tahun 2023, menerima peruntukan di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) sebanyak RM 12 juta yang melibatkan bantuan PPP-Individu dan juga PPP-Mentor Mentee. Sebanyak **84 orang individu** telah menerima manfaat di negeri Terengganu dengan peruntukan sebanyak **RM797,250** telah disalurkan kepada agensi pelaksana (KETENGAH, FELCRA Training and Consultancy (FTC) dan GIATMARA).
- **KETENGAH** menerusi Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), KKDW menyerahkan Bantuan Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK):
 - **PPP** dengan kelulusan seramai 30 orang penerima berjumlah **RM252,500**
 - **PPRT** melibatkan sumbangan sebanyak **RM12,570,000** iaitu 515 unit rumah di seluruh Terengganu
 - **PLKK** berjumlah **RM250,000** dengan pelaksanaan 5 kursus kepada 60 orang penerima manfaat
 - Mechanical Fitting
 - Insulasi Paip Gas
 - Rigger Fitter
 - Kimpalan 6G
 - Gunting Rambut Profesional Lelaki

- **RISDA** menerusi Program Pembangunan RISDA Negeri Terengganu dengan kelulusan bantuan yang diserahkan berjumlah **RM7,742,082.46** kepada **1,527 penerima**.
- **MARA** menerusi Bantuan Pembiayaan Perniagaan menawarkan pelbagai skim pembiayaan perniagaan bagi membantu usahawan bumiputera untuk membiayai modal pusingan, pengubahsuaian premis, pembelian alatan dan aset serta belanja mengurus untuk membolehkan usahawan kekal bersaing dalam pasaran. Golongan belia, wanita, pelajar lepasan Institusi Pendidikan MARA, golongan OKU dan kontraktor adalah antara usahawan bumiputera yang sentiasa diberi keutamaan. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2023, seramai **190 usahawan** telah menerima kemudahan pembiayaan bernilai **RM17,814,000** meliputi 66 orang penerima kemudahan **pembiayaan SPiKE** bernilai RM9,842,000 manakala 124 usahawan menerima kemudahan Skim Pembiayaan Mudah Jaya bernilai RM7,972,000.

Mohd Suhardi Mohd Yusof pemilik I Garage yang beroperasi di Jalan Besar, Cacar Baru, Paka mewakili 190 usahawan penerima kemudahan pembiayaan perniagaan MARA. Beliau telah mengikuti Program Usahawan MARA Petronas (PUMP) dan telah menerima kemudahan Skim Pembiayaan Mudah Jaya MARA bernilai RM250,000.

- **FELCRA** menerusi Program Pembangunan Usahawan, Ameniti Sosial FELCRA Berhad Wilayah Timur (Kelantan dan Terengganu) dengan nilai peruntukan sebanyak **RM 500,000** untuk 6 projek yang memberi manfaat kepada 300 peserta.
- **JAKOA** menerusi Projek Hands Holding dan Input Pertanian dengan nilai peruntukan sebanyak **RM 130,000** ini memberi manfaat kepada 25 orang Orang Asli yang mewakili 3 buah kampung.

Replika cek bantuan diserahkan kepada penerima oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim yang diiringi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Kesihatan YB Dr. Zaliha Mustafa, Timbalan Menteri KKDW YB Datuk Hajah Rubiah Haji Wang, Ketua Setiausaha Negara YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha KKDW YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu merangkap Ahli Jemaah Lembaga KETENGAH Yang Berhormat Mulia Dato' Seri Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalil dan Pengerusi KETENGAH YBhg. Dato' Seri (Dr.) Haji Ahmad Said.

Turut dilancarkan minyak masak keluaran KETENGAH Holding Sdn. Bhd., K-DESA. Produk KHSB ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan pembangunan sektor hiliran dan meningkatkan tahap kemampanan dalam industri minyak sawit.

KHSB juga mengembangkan aktiviti perniagaannya dengan mengusahakan kilang pembungkusan minyak masak selain penglibatan dalam sektor perladangan dan pengilangan kelapa sawit. Pelaburan ini sebagai inisiatif syarikat dalam membantu negara menampung keperluan domestik minyak sawit selain membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat melalui peluang pekerjaan yang disediakan serta meningkatkan keuntungan syarikat.

Sempena pelancaran, K-DESA menawarkan 15% diskaun harga kepada pengunjung.

Sebagai tunjang Program Sentuhan Kasih Desa Terengganu, Seramai 36 usahawan bimbingan KETENGAH menyertai aktiviti jualan yang terdiri daripada pelbagai kluster perniagaan iaitu makanan dan minuman, gaya hidup, kesejahteraan, pertanian dan perkhidmatan. Program turut melibatkan Jualan Agro MADANI dan Jualan Rahmah. Jualan Rahmah dilaksanakan untuk membantu mengurangkan bebanan masyarakat luar bandar yang ketika ini terbeban dengan kos sara hidup. Inisiatif Jualan Rahmah yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan FAMA membantu pengguna mendapatkan barangan dengan harga lebih murah iaitu 15% daripada harga biasa untuk keperluan keluarga.

Program Sentuhan Kasih Desa Terengganu (SKDT) bertujuan mengeratkan silaturahim antara pemimpin dan masyarakat melalui program kemasyarakatan, inisiatif dan bantuan langsung kepada masyarakat dalam usaha mewujudkan kesejahteraan yang lebih baik bagi seluruh komuniti luar bandar dan mengurangi kesenjangan sosial.

Program SKDT turut mengetengahkan aktiviti kemasyarakatan terutamanya golongan wanita, belia dan beliawanis sebagai salah satu usaha untuk mengeratkan hubungan masyarakat iaitu antara komuniti desa serta pemimpin. Penganjuran aktiviti kemasyarakatan dan keusahawanan ini sekali gus memberi impak yang baik kepada anggota masyarakat dalam kegiatan usahawan yang lebih aktif serta efisien.

Kumpulan sasar bagi program ini terdiri daripada golongan wanita, belia dan beliawanis serta usahawan luar bandar yang telah mendapat bimbingan KKDW dan KETENGAH.

Program ini juga menyasarkan penyertaan bahagian-bahagian dari kementerian dan agensi yang menyediakan program pengukuhan keusahawanan dan pembiayaan kewangan kepada usahawan luar bandar.

Melalui program ini dapat membuka peluang kepada usahawan untuk mengembangkan dan mempromosikan produk tempatan dalam mewujudkan akses pasaran produk usahawan kepada pembeli sekali gus meningkatkan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan masyarakat sekitar Wilayah KETENGAH.

Siri SKDT kali ini menampilkan kelainan dengan menghimpun wanita, belia dan beliawanis seramai lebih 4,000 orang dari seluruh Negeri Terengganu.

Antara program termasuk Himpunan Belia Lestasi Generasi Unggul (Himpunan LesGU) Bersama Timbalan Perdana Menteri melibatkan pelbagai acara sukan belia dan beliawanis seperti Kejohanan Futsal, Netball 3 on 3, Sepakan Penalti dan Karnival Sukan Rakyat.

Manakala Himpunan Wanita MADANI yang juga menjadi sesi mesra bersama wanita di Negeri Terengganu bersama Timbalan Menteri KKDW Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang dikendalikan oleh KEMAS Negeri Terengganu dengan program kesihatan wanita bagi memberi kesedaran berkaitan kesihatan dalam kalangan wanita.

Disediakan Oleh
Unit Komunikasi Korporat
KETENGAH
28 Julai 2023

